



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 18 MAC 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7. 8. 9. 10. 11.	BILA ISU BEKALAN, HARGA SAYUR AKAN SELESAI?, BH -ONLINE SELESAIKAN ISU PEKERJA ASING BERSIKAP SEPERTI 'BELANDA DAPAT TANAH', BH -ONLINE TINDAKAN SEGERA CEGAH KARTEL WARGA ASING TENTUKAN HARGA SAYUR, MUKA DEPAN, BH -1 'SEKURITI, KETERJAMINAN MAKANAN NEGARA BERISIKO', NASIONAL, BH -5 MINTA KENA TINDAKAN LEBIH TEGAS, NASIONAL, BH -5 KAUT UNTUNG LEBIH RM6 JUTA SEHARI, DALAM NEGERI, UM -1 & 2 KAYAKAN PESAWAH DAN NEGARA TIDAK AKAN KEMPUNAN BERAS, DALAM NEGERI, UM -2 PELANGGAN DAH LALI STOK BERAS SST 'PUTUS', LOKAL, HM -18 REIN IN SYED ABU HUSSIN, GOVERNMENTTOLD, MUKA DEPAN, NST -1 'FOOD CLUSTER CHIEF UNDERMINING GOVT', NEWS, NST -2 'IT'S MY DUTY TO IDENTIFY ISSUES, GIVE SOLUTIONS', NEWS, NST -2	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
12. 13. 14.	IKAN BERKUDIS SEBELUM MATI, NASIONAL, SH -11 OVER 90% FISHERMEN REGISTERED IN SOCIAL IMPACT SCHEME, NATIONAL, THE SUN -4 SIASAT BOM IKAN, PERMIT MASUK HUTAN DIBEKU, NEGARA, KOSMO -14	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
15.	PNK PERLU LEBIH AGRESIF BANTU NELAYAN MISKIN - LKIM, NEGARA, KOSMO -6	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
16.	BOOST FOR FELDA SETTLERS, MUKA DEPAN, THE SUN -1	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)
17. 18.	AGROBANK SANTUNI ASNAF, ANAK YATIM, NEGARA, KOSMO -14 AGROBANK KONGSI REZEKI DENGAN MASYARAKAT SEMPENA RAMADHAN, DALAM NEGERI, UM -5	AGROBANK

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/3/2024	BERITA HARIAN	ONLINE	

Bila isu bekalan, harga sayur akan selesai?

Jangkaan bekalan sayuran seluruh negara berisiko terjejas dan mungkin mengalami kenaikan harga susulan sektor pertanian menghadapi krisis kekurangan tenaga kerja mendedahkan kepincangan dasar serta strategi bagaimana hendak melindungi sumber keterjaminan makanan negara.

Namun, sekarang bukan masanya untuk menyalahkan mana-mana pihak sama ada kerajaan, kementerian atau menteri di atas kelemahan yang berlaku ini, sebaliknya menuntut kerjasama bersepadu bagaimana hendak menanganinya.

Terdapat banyak faktor mendorong kepada berlakunya permasalahan ini, antaranya kebergantungan terlampau kepada warga asing untuk bekerja dalam sektor pertanian dalam tempoh lama, selain masalah orang tempatan tidak berminat bekerja dalam sektor berkenaan.



Seperti didedahkan sebelum ini, punca utama orang kita tidak berminat bekerja dalam sektor pertanian kerana ia dianggap pekerjaan kotor, dikaitkan dengan imej miskin, memilih pekerjaan dipandang tinggi, tidak glamor selain tiada pengetahuan atau kemahiran.

Selain itu, faktor gaji tidak kompetitif jika hendak dibandingkan dengan tenaga terpaksa dikerah dalam sektor pertanian juga amat mempengaruhi mengapa orang kita tidak berminat bekerja di ladang.

Jika ada pun yang menceburinya mungkin kerana terikat dengan komitmen untuk meneruskan warisan keluarga, menjalankannya secara kecil-kecilan atau sambilan, selain terperangkap dalam kemiskinan.

Justeru, campur tangan kerajaan secara agresif dan berterusan amat perlu jika mahu memastikan sektor pertanian negara terutama penanaman sayur-sayuran dapat terus hidup, berdaya saing dan mampu memenuhi keperluan domestik sepanjang masa.

Namun, tanpa tenaga kerja mencukupi, tahan lasak dan cekal, pasti sukar sektor ini menjadi berdaya tahan terutama menjamin bekalan mencukupi untuk pasaran domestik.

Cadangan untuk meningkatkan gaji minimum bagi menarik tenaga tempatan bekerja, sekali gus mengelakkan kebergantungan terhadap buruh asing amat menarik, tetapi sejauh mana pula pengusaha pertanian sanggup memenuhinya.

Ketika harga barang input pertanian menunjukkan trend meningkat akibat krisis luaran seperti perang antara Russia dan Ukraine, sudah tentu pengusaha juga terpaksa memikirkan kos upah harus ditanggung bagi mengimbangi kos pengeluaran serta meraih keuntungan.

Perkara ini perlu diteliti kerajaan, khasnya Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Kementerian Ekonomi, Majlis Tindakan Negara bagi Kos Sara Hidup (NACCOL) serta kementerian lain kerana ia membabitkan soal dasar kerajaan dan akta.

Kementerian Sumber Manusia juga wajar mencari jalan bagaimana untuk menangani kebimbangan pengusaha tanaman sayur-sayuran susulan dasar pekerja asing akan dikuatkuasakan pada 31 Mac ini.

Bermakna, kerjasama rentas kementerian bagi mewujudkan formula segera untuk menangani isu ini bukan satu pilihan, bahkan keperluan mendesak demi kelangsungan keterjaminan makanan negara serta kepentingan rakyat.

Perbincangan bersama antara kementerian berkaitan bersama penggiat sektor pertanian serta pemegang taruh industri perlu diadakan segera untuk mencari formula berkesan mengatasi isu ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/3/2024	BERITA HARIAN	ONLINE	

Selesaikan isu pekerja asing bersikap seperti 'Belanda dapat tanah'

BELALANG rasa pepatah 'dibenarkan duduk di serambi, hendak bermaharajalela di tengah rumah' tepat gambarkan rantaian perbekalan sayur-sayuran kita mula dikuasai pendatang asing memperluaskan kebun diusahakan secara haram dengan saiz keseluruhan seperti dakwaan persatuan pekebun sayur hampir 1,000 hektar.

Maknanya, warga Indonesia, Bangladesh dan etnik Rohingya ini sudah mendominasi dari peringkat kebun sayur, logistik dan pengangkutan hingga pengedaran serta jualan di pasar borong.



Rantaian perbekalan sayur-sayuran kita mula dikuasai pendatang asing memperluaskan kebun diusahakan secara haram dengan saiz keseluruhan seperti dakwaan persatuan pekebun sayur hampir 1,000 hektar. - Foto hiasan

Ini adalah bahana apabila warga asing asal mereka masuk bekerja sebagai buruh kasar, tetapi melompat ke segmen ekonomi termasuk pertanian dan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) yang rata-ratanya diusahakan Bumiputera juga. Cuma Belalang hairan juga persatuan sama mengeluh apabila kerajaan batalkan kuota pekerja asing yang ada 2.1 juta orang di negara ini kerana tidakkah mereka sendiri terkena getah akibat kebergantungan yang kritikal ini.

Lagi satu Belalang musykil bagaimana kisah 'Belanda dapat tanah' ini boleh dibiarkan berleluasa sama ada gagal ditangani pihak berkuasa atau sikap rakyat sendiri sanggup bersekongkol atau kedua-dua sekali? Belalang minta kerajaan terutama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan berserta polis, imigresen serta pihak berkuasa tempatan bekerjasama tangani isu ini termasuk menggunakan teknologi terkini kerana ia membabitkan periuk nasi rakyat dan masa depan negara.

Anggota pentadbiran usah 'bergaduh' depan periuk nasi

Sebut pasal periuk nasi, Belalang mahu tegur kerajaan mengenai isu kekurangan beras tempatan di pasaran. Timbalan Perdana Menteri kata ia masalah terpencil kerana hanya babitkan beberapa kawasan, Task Force (Kluster Makanan) Majlis Tindakan Negara Bagi Kos Sara Hidup (NACCOL) pula balas tinjauan lengkap dengan video pasukan penggerak MADANI ke 30 lokasi mendapati beras tempatan tiada di pasaran tetapi Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan pula jelaskan edaran Beras Putih Tempatan (BPT) meningkat 3.9 peratus.

Ini bukan isu kecil tetapi membabitkan makanan ruji negara, apatah lagi diakui sendiri Persatuan Peruncit Bumiputera (BRO) bahawa masalah ini sudah hampir setahun tidak dapat diatasi hingga boleh ada perbezaan pandangan. Sekarang ini sudah masuk bulan puasa hingga beras sangat diperlukan sama ada peniaga bazar Ramadan atau isi rumah untuk menyediakan juadah berbuka serta bersahur.



Masalah kekurangan beras ditangani sebaiknya secara tersusun kerana rakyat juga akan menerima kesan akhir. - Foto hiasan

Belalang minta bukan saja isu komunikasi sebegini diselaraskan, malah lebih penting masalah kekurangan beras ditangani sebaiknya secara tersusun kerana rakyat juga akan menerima kesan akhir. Belalang yakin isu beras boleh diselesaikan jika semua sepakat dan sederhana kerana kerajaan mengakui stok penimbun beras negara mencukupi, tinggal lagi tindakan strategik dan pantas termasuk penguatkuasaan undang-undang.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/3/2024	BERITA HARIAN	MUKA DEPAN	1

Diterbit sejak 1957

www.bharian.com.my

Tindakan segera cegah kartel warga asing tentukan harga sayur

Kebun sayur diusahakan pendatang asing yang didakwa semakin meluas serta menguasai rantaian perbekalan hasil tani, dikuatiri membentuk kartel sayur sehingga boleh memberi kesan terhadap sekuriti dan keterjaminan makanan negara. Ahli ekonomi dan persatuan peniagaimbang, mereka turut menguasai logistik, pengedaran dan penentu harga di pasar borong, selain mula bertapak dalam rantaian sektor pembinaan dan elektrik.

Oleh Mahani Ishak → Nasional 5

'Sekuriti, keterjaminan makanan negara berisiko'

Pendatang asing mampu bentuk kartel, kuasai rantaian bekalan

Oleh Mahani Ishak
mahani@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kebun sayur dididakwa semakin meluas, sama dengan penguasaan golongan itu dalam rantaian perbekalan hasil pertanian. Dikhuatiri membentuk kartel sayur di Malaysia. Andai saiz kebun haram makin bertambah, sekuriti dan keterjaminan makanan negara boleh terancam. Berikutan keberangan sangat tinggi kepada pengusaha dan tenaga kerja asing dalam rantaian daripada perikanan, logistik, pengedaran hingga pasar borong.

Pensyarah Kanan Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Etnik Antarabangsa Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Mohd Shazwan Mokhtar, berkata kelompok undang-undang sedia ada sebenarnya membuka ruang kepada isu itu.

"Pendatang sewa tanah orang tempatan untuk buka kebun, sebahagian lagi ceroboh tanah kerajaan atau persendirian. Kebanyakan petani asing ini membentuk rangkaian dan mula menembusi kitaran bekalan makanan hingga gugat kemandirian petani tempatan."

"Misalnya, dengan kos operasi murah rentetan aktiviti pertanian haram serta tindakan mereka guna racun serangga murah dan berbahaya, hasil pertanian lebih murah dapat ditawarkan kepada pasaran."

"Mereka juga berupaya berhutang terus dengan peniaga. Ini tak beri kelebihan kepada petani tempatan yang terikat dengan pembayaran dan syarikat terikat ditetapkan pihak berwajib," katanya kepada BH semalam.

Semalam, akhbar ini dalam laporan muka depan, melaporkan warga Bangladesh, Indonesia dan Rohingya menguasai industri sayur di negara ini dengan membuka anggaran 1,000 hektar kebun sayur haram di serata Semenanjung.

Kegiatan itu paling banyak dikesan di Selangor, Johor, Melaka, Pulau Pinang dan Pahang, terutama Cameron Highlands dengan anggaran keseluruhan lebih 1,000 hektar kebun haram di setiap negeri antara 50 hingga 100 hektar.

Mohd Shazwan berkata, penerokaan tanah secara haram di kawasan ini menyebabkan kurang keselamatan pemilik tanah tempatan untuk mengusahakan tanah mereka dengan aktiviti ekonomi bertingkat tinggi, lalu menyewakannya.

"Jadi perkara berkaitan undang-undang tanah perlu diperketatkan kerana jika bidang kuantiti tempatan untuk mengusahakan tanah mereka dengan aktiviti ekonomi bertingkat tinggi, lalu menyewakannya."

Tegaknya, kebajikan warga asing dalam rantaian perbekalan sayur-sayuran perlu dikawal oleh agensi kerajaan berkaitan supaya sektor makanan negara dapat diperkukuh dan tidak lagi terganggu kerana jika bidang kuantiti tempatan untuk mengusahakan tanah mereka dengan aktiviti ekonomi bertingkat tinggi, lalu menyewakannya."

"Kegiatan ini paling banyak dikesan di Selangor, Johor, Melaka, Pulau Pinang dan Pahang, terutama Cameron Highlands dengan anggaran keseluruhan lebih 1,000 hektar kebun haram di setiap negeri antara 50 hingga 100 hektar."

Mohd Shazwan berkata, penerokaan tanah secara haram di kawasan ini menyebabkan kurang keselamatan pemilik tanah tempatan untuk mengusahakan tanah mereka dengan aktiviti ekonomi bertingkat tinggi, lalu menyewakannya."



BH Warga Bangladesh, Indonesia, Rohingya kuasai industri sayur. Keratan akhbar BH, semalam.

sa pihak berkuasa tempatan (PBT) hanya terbatas dengan tarikan kompaun atau tindakan waran kompaun atau tindakan mahkamah, masalah sama tetap akan berulang.

"Penguatkuasaan undang-undang peringkat PBT atau Pejabat Tanah perlu ditangani dengan pengangkutan dan pengedaran logistik yang tinggi, lalu menyewakannya."

"Jika tiada tindakan segera dalam masa terdekat, mereka boleh membentuk kartel dan ia menyekuriti makanan dihadapi negara pada ketika ini," katanya.

Katanya, ketika ini harga sayur sudah meningkat 25 peratus akibat pembatalan kuota pekerja asing dan akan diburukkan lagi apabila industri dimonopoli oleh kebun haram yang bukan waran ganegara.

Pensyarah ekonomi di Putra Business School, Prof Matya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff bersejua kerajaan perlu bertindak segera memastikan pembekalan sayur negara dihimpunkan dan kebun haram dihapuskan.

"Perlu pastikan warga asing tidak lagi sewenang-wangnya buka kebun sayur. Setruanya, bongkaran rantaian kartel kerana ini akan jejas pendapatan pekebun tempatan dan dalam jangka panjang bolehancam keterjaminan makanan negara," katanya.

Minta kena tindakan lebih tegas

Kuala Lumpur: Kerajaan digesa bertindak tegas terhadap pendatang asing yang mengusahakan kebun sayur secara haram atau apa-apa penguasaan. Bertindak dengan ketegasan diberikan ketika mereka memohon masuk ke negara ini.

Melalui raut-rata warga maya berpendangan pendatang asing tidak sepatutnya dibiar bebas melakukan aktiviti itu kerana mereka dibawa masuk ke Malaysia bukan untuk bantu rancakkan ekonomi negara dengan cara demikian.

Nash Nasir berpendapat, mereka dibawa masuk untuk bekerja dalam sektor pertanian, sebaliknya melarikan diri dan kemudian mengusahakan kebun sayur sebagai besar sehingga negara kekurangan pekerja.

Bagi Azam Zina Man, tiada tindakan tegas dikenakan terhadap pekerja asing yang lari daripada bekerja dalam sektor pertanian, menyebabkan mereka boleh berbuat sesuka hati di sini.

"Sudah lari daripada perjanjian asal, warga asing hanya bekerja dalam sektor pembinaan, pertanian, perikanan, orang gaji dan sebagainya. Kalau negara lain, mesti akan dikenakan tindakan tegas."

Terdapat juga kecemasan terhadap agensi penguatkuasaan yang didakwa membiarkan kumpulan warga asing melakukan perbuatan salah di sisi undang-undang. termasuk Nour Elja yang menyifatkan ia adalah pengkhianatan kepada negara.

"Soalan: Siapa bagi tanah utk bercucuk tanam?" tanya Amir zua Bin Ahmad Sati, manakala warga maya lain mencadangkan BH menyiasat lokasi lain yang mungkin menjalankan aktiviti serupa seperti di Johor.

"Minta BH bongkar lokasi lain pula, Cameron Highlands, Sekinchan, Johor, Setia, Belah, Penak pun ada," menurut komen berkenaan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/3/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	1

Beras tempatan 'hilang' akibat tukar bungkusan, penguatkuasaan lemah

IKaut untung lebih RM6 juta sehari

Oleh **MOHD. HUSNI MOHD. NOOR**
utusanews@mediamulla.com.my

CYBERJAYA: Pengilang atau pengeluar beras didakwa mengaut keuntungan sehingga RM6.32 juta sehari melalui kegiatan menukar bungkusan kampak beras putih tempatan (BPT) kepada beras putih import (BPI).

Jumlah itu berdasarkan purata keperluan rakyat Malaysia terhadap makanan ruji itu sekitar 137,500 metrik tan atau 135 juta kampak beras sebulan.

Tindakan licik itu dipercayai menjadi punca kepada kehilangan beras tempatan di pasaran walaupun golongan pesawah sudah menyumbang sekitar 1.6 juta tan metrik se-

tahun kepada pengeluaran padi negara.

Mendedahkan kepada *Utusan Malaysia*, Ketua Pasukan Petugas Pemantauan Kluster Makanan Majlis Tindakan Kos Sara Hidup Negara (NACCOL), Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal berkata, hasil lumbayan peniaga itu membongkar isu 'kehilangan' beras tempatan di

pasaran yang mula dikesan sejak akhir tahun lalu.

Menurutnya, tindakan tidak bermoral itu demi mengaut keuntungan berlebihan apabila beras putih tempatan 'celup' boleh dijual sehingga RM40 untuk 10 kilogram berbanding RM26.

Bersambung di muka 2

Bangi: Sudah lama tiada beras super spesial tempatan (SST). Itu situasi di beberapa kedai runcit di sekitar Bangi Lama dan Bandar Seri Putra, di sini, berdasarkan tinjauan dijalankan semalam.

Pekerja kedai runcit dikenali sebagai Ilham berkata, pelanggan juga sudah lali dengan masalah ke-tiadaan beras tempatan.

"Beras SST memang su-

dah lama tidak ada. Tak ingat bila kali terakhir ada dijual di sini, walaupun di-pesan tetap juga tidak ada penghantaran.

"Pelanggan yang memer-lukan memang bising sam-pai mereka pun lali dan tahu jawapan yang bakal diberikan. Jadi mereka ter-paksa juga beli beras im-

port sebab tiada pilihan lain," katanya kepada Harian Metro.

Seorang lagi pekerja ke-dai runcit lain, Mohd Sabri berkata, ketiadaan beras SST di tempatnya bekerja bermula sejak kenaikan harga beras berlaku tahun lalu.

"Ketika beras naik harga

tahun lalu, sejak itu be-kalan beras tempatan me-mang tidak ada dan tak dijual di sini. Hanya beras import saja yang masuk.

"Ramai yang mencari be-ras tempatan, tapi nak buat macam mana. Mahu atau tidak, terpaksa beli beras import, kasihan juga ke-pada mereka terutamanya

Pelanggan dah lali stok beras SST 'putus'



Kita pesan dalam tempoh lima bulan baru dapat. Itu pun dalam kuantiti terhad antara 40 hingga 50 pek saja"

Samad

yang kurang berkemampu-an.

"Beras import memang sentiasa ada dan tak per-nah putus bekalan tapi har-ga mahal," katanya.

Menurutnya, pelanggan juga terpaksa akur dan me-ngalah dengan keadaan pa-saran beras di pasaran.

"Kita memang buat tem-pahan tapi tak dapat. Bagi saya, permintaan beras SST sangat tinggi, bagi yang ku-rang berkemampuan, nak beli beras import sedikit membebankan.

"Macam pelanggan tetap yang kebetulan beli barang lain, mereka akan beli saja beras import sebab tak ada pilihan. Kalau yang datang setakat nak beli beras, me-mang tidak akan beli beras import," katanya.

Bagaimanapun, berbeza

situasi di sebuah kedai run-cit lain apabila premisnya masih menjual dan men-dapat bekalan beras tem-patan.

Pemiliknya dikenali se-bagai Samad berkata, be-kalan yang diterima oleh Lembaga Pemasaran Per-tanian Persekutuan (Fama) adalah terhad antara 40 hingga 50 pek saja.

"Kedai saya masih men-jual beras tempatan tapi hanya dijual kepada orang tempatan iaitu warga Ma-laysia. Cuma nak dapat be-kalan selalu pun agak susah juga.

"Kadang, kita pesan da-lam tempoh lima bulan ba-ha dapat. Itu pun dalam kuantiti terhad antara 40 hingga 50 pek saja. Tidak seperti dulu yang mana be-kalan sentiasa ada," kata-nya.

Menurutnya, tidak se-mua pelanggan kedainya membeli beras tempatan.

"Di sini pelanggan me-mang tahu saya menjual beras SST. Mereka kerap bertanya mengenai beras ini sebab ia memang mu-rah. Dalam masa sama, tak semua pelanggan nak beras SST, ada yang memang beli beras import, katanya.

Menurutnya, beras tem-patan hanya dijual pada kuantiti 10 kilogram (kg) iaitu RM26.



PEMBANTU kedai menyusun beras import ketika tinjauan beras SST yang kehabisan stok manakala stok beras import pelbagai jenama masih banyak terdapat di kedai runcit di sekitar Bangi Lama. - Gambar NSTP/HAIRUL ANUAR RAHIM

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/3/2024	NST	MUKA DEPAN	1

Rein in Syed Abu Hussin, government told

THE cost of living task force (food cluster) chairman's statements on white rice shortages contradict what ministers have said. Analysts contend that allowing him to continue making claims may give the public and investors a bad impression, and undermine parties in the government. The chairman is unfazed, and vows to press on with his job.

» REPORTS BY ROBIN AUGUSTIN & ADIB POVERA ON PAGE 2

'FOOD CLUSTER CHIEF' UNDERMINING GOVT'

'It's my duty to identify issues, give solutions,

He said he was appointed to head the food cluster task force as Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim was aware of the situation on the ground and wanted to re-

He said if left unchecked, the situation could leave the public and investors with an impression of "administrative incompetence and chaos."

"At the same time, he was also aware of the people's burden due to rising food prices, and he wanted something to be done to solve this issue," he said.

He said Syed Abu Hussin's behaviour could be seen as undermining parties in the unity government and lead to suspensions regardless of his intentions.

"At the same time, he was also aware of the people's burden due to rising food prices, and he wanted something to be done to solve this issue," he said.

He said Syed Abu Hussin's behaviour could be seen as undermining parties in the unity government and lead to suspensions regardless of his intentions.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/3/2024	SINAR HARIAN	NASIONAL	11

Ikan berkulis sebelum mati

BACHOK - Seorang penternak ikan dari Kampung Sungai di sini mengalami kerugian lebih RM20,000 selepas 25,000 ekor anak ikan dipelihara mati.

Azhar Zakaria, 53, mendakwa, hujan berterusan pada Disember tahun lalu berkemungkinan membawa pencemaran dari sungai di kawasan tinggi.

Katanya, air menjadi keruh dan berselut namun dia tidak pasti jenis pencemaran yang berlaku.

"Saya melepaskan 30,000 benih ikan patin, keli dan tilapia berusia sebulan pada Disember tahun lalu tetapi tinggal 5,000 ekor sahaja dalam tempoh sebulan," katanya kepada *Sinar Harian* pada Isnin.

Menurutnya, penternak ikan tidak mengambil tindakan lanjut kerana di luar kawalan mereka.

Bagaimanapun jelasnya, pegawai Jabatan Perikanan Negeri Kelantan sudah mengambil sampel ikan pada Januari namun mereka belum menerima keputusan faktor kematian ikan itu.

"Ikan pada mulanya mengalami kudis di muka dan badan sebelum mati dan ada juga yang tidak diketahui puncanya kerana tiba-tiba terapung di permukaan air," katanya.

Azhar yang baharu sahaja berjinak-jinak dalam penternakan ikan tiga bulan lalu mempunyai 45 sangkar namun hanya 14 sahaja yang dipenuhi ikan selepas berdepan dengan kematian antara 100 hingga 200 ekor sehari.

"Saya dimaklumkan oleh rakan-rakan penternak lain, tahun ini paling banyak ikan mati dan kemungkinan juga berlaku pencemaran sungai," katanya.

Over 90% fishermen registered in social impact scheme

GEORGE TOWN: A total of 92.3% of eligible fishermen from south of Penang Island have registered for the Social Impact Management Plan (SIMP) scheme under the Penang South Islands reclamation project.

Penang Infrastructure Corporation Sdn Bhd chief executive officer Datuk Seri Farizan Darus said the engagement sessions are being conducted with eligible fishermen who have yet to register before the March 31 SIMP registration deadline.

"The registration for SIMP among eligible fishermen has reached 92.3%, including 100% registration from the Permatang Tepi Laut and Gertak Sanggul units, as well as 92.3% from the Teluk Tempoyak unit.

"Meanwhile, other units namely Teluk Kumbar, Batu Maung, Seri Jerjak, Pulau Betong and Kuala Sungai Burong have generally recorded more than 92%, except for the Sungai Batu unit with only 54.22%.

"The Fisheries Department has also confirmed that 80% or 215 out of 272 fishermen who have not yet registered for SIMP, are inactive or no longer eligible," he said in a statement yesterday.

Farizan said the high registration rate reflected the trust and confidence of the fishing community in the state government's commitment to fulfil the promised benefits, including ex-gratia payments, provision of new boats and engines, education assistance, new sheds, upskilling training as well as jobs and business opportunities.

To address the long-standing issue of mudflats, he said the project developer was committed to providing a navigation channel 250m wide, allowing fishermen to access the sea regardless of the tide.

"Contrary to claims of sediment disposal, dredging activities have not yet commenced and are only expected to begin in 2027 according to the stipulations outlined in the Environmental Impact Assessment report.

"As part of the approval conditions, water quality monitoring also includes 24-hour real-time monitoring for total suspended solids and the installation of silt curtains to prevent sediment dispersion."

Farizan said the Department of Environment has not enquired about the submitted water quality reports, indicating that the reports are satisfactory and comply with the approval conditions. – Bernama

18/8/2024

KOSMO

NEGARA

14

Siasat bom ikan, permit masuk hutan dibeku

Oleh ASLIZA MUSA

IPOH — Jabatan Perhutanan Negara telah membekukan permit memasuki Hutan Simpanan Kekal di daerah Hulu Perak serta bagi membolehkan siasatan mengenai kes menggebum ikan oleh sekumpulan ahli kelab pacuan empat roda dapat dijalankan.

Pembekuan permit selama tiga bulan hingga 15 Jun depan itu melibatkan Hutan Simpanan Amanjaya, Banding, Temenggor dan Gerik.

Pengarahnya, Datuk Mohd. Sabri Abdul Manaf berkata, pihaknya telah membuat laporan polis pada Khamis lalu selepas mengesyaki pelaku dalam video tular tersebut menceroboh kawasan itu tanpa kebenaran.

Katanya, pihaknya akan mengagiti semua prosedur dan impak aktiviti kenderaan pacuan empat

roda terhadap dirian hutan.

"Satu peribincangan bersama pengusaha aktiviti berkenaan akan diadakan dalam masa terdekat susulan arahan pembekuan pemberian kelulusan permit memasuki Hutan Simpanan Kekal di daerah Hulu Perak.

"Arahan pembekuan tersebut selain atas faktor pengangkutan dan kawalan ke atas sumbu ber hutan, ia juga bagi memberi ruang kepada proses siasatan kes menggebum ikan oleh sekumpulan ahli kelab pacuan empat roda yang tular di media sosial baru-baru ini," katanya di sini semalam.

Menurut Mohd. Sabri, arahan pembekuan permit itu bagi tujuan rekreasi termasuk aktiviti kenderaan pacuan empat roda, motocross, basikal lasak dan menancing.

Tambahnya, laporan polis itu dibuat bagi membolehkan siasatan mengikut Seksyen 47 Enak-

men Akta Perhutanan Negara 1984 (pemakluman) 1985 kerana disyaki memasuki Hutan Simpanan Kekal tanpa kebenaran dijalankan.

"Sehubungan itu, mana-mana kumpulan atau individu dinasihati agar tidak memasuki kawasan mana-mana hutan simpanan kekal tanpa Permit Memasuki Hutan.

"Pelanggaran terhadap arahan ini jika disabitkan boleh didakwa di bawah Seksyen 47 Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakluman) 1985," katanya.

Baru-baru ini Kosmo! melaporkan penduduk di situ marah dengan tindakan pihak tidak bertanggungjawab menggebum serta merta ikan kelah di Sungai Singor, Hutan Simpanan Temenggor, Gerik.

Kumpulan lelaki itu memuat naik video bertujuan hendak menunjuk-nujuk hasil tangkapan mereka di situ.



TANGKAP layar daripada video menunjukkan sekumpulan individu berbangga dengan hasil tangkapan selepas menggebum dan menerjat ikan di Sungai Singor, Hutan Simpanan Temenggor, Gerik baru-baru ini.



TENGKU AHMAD BADI SHAH (kanan) mengedarkan bungkus-bungkus bubur lambuk kepada orang ramai di PPR Seri Semarak, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Agrobank santuni asnaf, anak yatim

KUALA LUMPUR — Agrobank menyediakan hampir RM150,000 untuk program edaran bubur lambuk di lokasi terpilih dan menyalurkan bantuan zakat kepada asnaf serta anak yatim pada Ramadan kali ini.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Tengku Ahmad Badi Shah Raja Hussin berkata, pihaknya telah mengedarkan 11,100 pek bubur lambuk pada kempen Citral Ramadan Rakan Syawal di 10 lokasi pada 14 Mac lalu.

Katanya, tujuan program ialah untuk memberi peluang kepada kakitangannya menyantuni komuniti tempatan selain membantu golongan memerlukan.

"Ia merupakan program berterusan Agrobank seperti sebelum ini dan diharapkan dapat diteruskan pada masa akan datang.

"Kita sentiasa terbuka untuk mengadakan program kolaborasi bersama rakan media seperti yang kita lakukan dengan Media Mulla Sdn. Bhd. sebagai tanggungjawab sosial korporat," katanya ketika ditemui pada program itu di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Seri Semarak di sini.

Hadir sama Ahli Lembaga

Pengarah Agrobank, Mohamed Iqbal Mohamed Iqbal, Pengarah Urusan dan Pengarang Kumpulan Media Mulla, Mohamad Azlan Jaafar serta Ketua Unit MMTV, Roshidah Annuar Yub. Sementara itu, Pengerusi Surau Jumaat Al-Husna Seri Semarak, Mahat Yunus berkata, penduduk teruja kerana dipilih untuk program mengacau bubur lambuk tahun ini.

"Lebih 30 peserta terlibat diketuai bekas ketua tukang masak Tabung Haji yang berpengalaman selama 28 tahun," katanya.

Menurut Mahat, pada program itu, 500 pek didedahkan kepada orang ramai, penduduk (400) dan jemaah (100) untuk juadah berbuka puasa.

Seorang penduduk, Maznah Bahim, 65, gembira apabila menerima bubur lambuk secara percuma sebagai juadah berbuka.

Katanya, bubur lambuk semanganya menjadi juadah pilihan keluarganya setiap kali menyambut puasa.

"Terima kasih kepada Agrobank dan Media Mulla kerana berkongsi rezeki dengan penduduk PPR Seri Semarak dan alhamdulillah dapat menerima berbuka makan bubur lambuk," katanya.

Agrobank kongsi rezeki dengan masyarakat sempena Ramadan

Oleh AIMAN ALI
a.aiman@edn.net.my

KUALA LUMPUR: Kehadiran bulan Ramadan tidak mengubah Agrobank untuk menyediakan bantuan kepada masyarakat yang memerlukan dalam menghadapi tempatan dengan pengagihan bubur lambuk.

Agrobank menyuntuti komuniti tempatan dengan mengagihkan 11,000 pek bubur lambuk kepada masyarakat di seluruh Malaysia melalui cawangan-cawangan di setiap wilayah.

Ahli Lembaga Pengarah Agrobank, Mohamed Iqbal Mohamed Iqbal berkata, anjuran program itu melibatkan 10 tempat di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak.

"Ia berjalun secara serentak bermula 14 Mac untuk kita bersama-sama meraikan kemuliaan bulan Ramadan, dan juga saling membantu," katanya.

Agrobank juga mengagihkan agenda penting Agrobank dalam memastikan perancangan untuk memberi semula kepada masyarakat selain daripada melakukan turunkan kepada sektor pertanian.

Terdahulu, Program Kongsi Bubur Lambuk anjuran Bersama Media Sdn Bhd, dan Agrobank yang bertujuan mengagihkan bubur lambuk Ramadan kepada masyarakat di seluruh negara.

Sekiranya 1,000 pek bubur lambuk diagihkan kepada komuniti Program Perumahan Rakyat.

PPR) Seri Semarak sebagai tanda menyuntuti masyarakat setempat di bulan Ramadan.

Aktiviti gotong royong bermula dengan pengagihan bubur lambuk kepada masyarakat di kawasan sekitar.

Terdahulu, Program Kongsi Bubur Lambuk anjuran Bersama Media Sdn Bhd, dan Agrobank yang bertujuan mengagihkan bubur lambuk Ramadan kepada masyarakat di seluruh negara.

Sekiranya 1,000 pek bubur lambuk diagihkan kepada komuniti Program Perumahan Rakyat.

PPR) Seri Semarak sebagai tanda menyuntuti masyarakat setempat di bulan Ramadan.

Aktiviti gotong royong bermula dengan pengagihan bubur lambuk kepada masyarakat di kawasan sekitar.

Terdahulu, Program Kongsi Bubur Lambuk anjuran Bersama Media Sdn Bhd, dan Agrobank yang bertujuan mengagihkan bubur lambuk Ramadan kepada masyarakat di seluruh negara.

Sekiranya 1,000 pek bubur lambuk diagihkan kepada komuniti Program Perumahan Rakyat.



TENGGU Ahmad Badli Shah Raja Hussein (kanan) mengagihkan bubur lambuk kepada orang ramai pada program Kongsi Bubur Lambuk anjuran Media Mula bersama Agro Bank di Surau Jamaat Al-Husna Seri Semarak, Kuala Lumpur Khamis lalu. - UTUSAN/FARIZ RUSUADO

masjid berhampiran cawangan Agrobank.

"Program ini kita laksanakan berdekatan dengan masjid berhampiran cawangan Agrobank. Kita juga pernah buat program seperti ini pada tahun sebelumnya dan kita harap dapat menjalinkan program sumpama ini untuk mendidik masyarakat pada tahun akan datang," katanya.

Pada masa sama, Agrobank turut menyalurkan bantuan zakat sebanyak RM50,000 untuk diagihkan kepada golongan

mengagihkan bubur lambuk kepada masyarakat. Agrobank akan berkolaborasi dengan MMSB untuk beberapa program tanggungjawab sosial korporat pada masa akan datang dan menyokong program yang menyuntuti masyarakat.

Agrobank juga akan berkolaborasi dengan MMSB untuk beberapa program tanggungjawab sosial korporat pada masa akan datang dan menyokong program yang menyuntuti masyarakat.

"Kita merasa bersedih dan bersyukur kerana Agrobank dan Media Mula memilih surau ini sebagai lokasi untuk pengagihan bubur lambuk. Kita juga berharap ruzsdi bersama masyarakat dengan meluaskan ahli karah dan komuniti setempat," katanya.



KAKTANGAN MMSB bersama Agro Bank mengagihkan bubur lambuk ke dalam bekas untuk diagihkan kepada orang ramai.



AHLI karah surau mengagihkan bubur lambuk pada program Kongsi Bubur Lambuk di Surau Jamaat Al-Husna Seri Semarak.

PNK perlu lebih agresif bantu nelayan miskin – LKIM



MUHAMMAD FAIZ (tengah) menyaksikan penyerahan replika cek zakat Nekmat di Lumut kelmarin.

LUMUT – Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) mahu Persekutuan Nelayan Kawasan (PNK) lebih agresif bergerak sebagai entiti perniagaan bagi meningkatkan pendapatan nelayan yang rata-ratanya masih dibelenggu masalah kemiskinan.

Pengerusinya, Muhammad Faiz Fadzil berkata, tiada alasan untuk PNK tidak terlibat dalam perniagaan kerana LKIM sebagai pemegang taruh sentiasa menyediakan bantuan modal, dana, latihan serta peluang untuk promosi.

Beliau tidak mahu 91 PNK di seluruh negara hanya bergan-

tung kepada keuntungan hasil jualan minyak diesel yang disediakan kerajaan untuk kegunaan nelayan dan bergantung kepada subsidi semata-mata.

“PNK menguruskan hal ehwal nelayan dan digalakkan ada produk ekonomi sendiri, cuma tidak semua yang aktif.

“Jika ada PNK yang aktif pun, mereka tidak menguasai sektor perikanan,” katanya ketika ditemui selepas menghadiri Majlis Iftar Madani LKIM, di sini kelmarin.

Menurutnya, apa yang diharuskan LKIM ialah PNK mampu menguasai perniagaan di pering-

kat hiliran seperti aktiviti pemprosesan dan pemasaran ikan serta hasil laut.

Beliau menjelaskan, LKIM juga menyediakan pasar nelayan di mana nelayan boleh menjual terus hasil tangkapan mereka kepada pengguna.

Begitupun, jelas beliau, dari pada 137 pasar nelayan seluruh negara, hanya 66 pasar nelayan sahaja yang aktif.

Justeru, beliau mahu PNK memanfaatkan semua kemudahan yang disediakan kerajaan itu untuk lebih aktif dalam perniagaan yang menguntungkan golongan nelayan.

Boost for Felda settlers

'Address woes of Kelantan farmers'

Consumers' Association of Penang urges Agriculture and Food Security Ministry to look into problems facing padi farmers in Kemubu Agricultural Development Authority area, including irrigation and transport issues and depletion of padi fields.

Inadequate irrigation is one of the problems facing farmers in the Kemubu Agricultural Development Authority area in Kelantan.

- MASRY CHEAH/THE SUN



Report
on page 3